

28/05/2002

YPEIM anjur pelbagai program amal jariah

BAGI menggalakkan masyarakat menghayati syiar Islam menerusi kegiatan beramal jariah, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) menganjurkan pelbagai program menarik sepanjang tahun ini.

Timbalan Ketua Pengarahnya, Mokhtar Abdul Razak berkata, antara program itu ialah kuiz amal jariah, pertandingan menulis esei, anugerah tokoh amal jariah negara dan anugerah laporan sosio-ekonomi Islam.

Katanya, laporan sosio-ekonomi Islam adalah kategori baru yang diperkenalkan oleh Institut Akhbar Malaysia (IAM) sempena majlis Malam Wartawan pada 2 Jun depan yang dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, kategori terbabit ditaja oleh YPEIM dan syarikat Nokia, yang memilih artikel berkisar kepada keislaman terutama yang menjurus kepada membantu mempertingkatkan ekonomi masyarakat Islam.

"Kita berharap anggota masyarakat merebut peluang menyertai kegiatan bermanfaat yang kami anjurkan kerana selain beribadah dan mempertingkatkan pengetahuan keagamaan, pelbagai hadiah menarik turut diberikan kepada pemenang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan pertandingan akhir Kuiz Amal Jariah di ibu pejabat YPEIM, Kampung Attap, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Kuiz berkenaan adalah anjuran bersama YPEIM, Berita Harian Sdn Bhd, Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) dan penaja utama Lembaga Urusan Tabung Haji (Tabung Haji).

Pelajar program Sarjana Pendidikan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO), Batu Pahat, Johor, Akmal Abd Rahman, 27, telah menjuarai kuiz itu, sekali gus memenangi hadiah keseluruhan bernilai RM8,000.

Tempat kedua dimenangi Eksekutif Sumber Manusia Kumpulan Swastapark Sdn Bhd, Suriliza Zainal Abidin dan tempat ketiga dimenangi pelajar Diploma Pentadbiran Awam Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam, Selangor, Mohd Hanis Mohd Zaini.

Mereka menerima hadiah keseluruhan berjumlah RM13,000. Pemenang pertama meraih hadiah berbentuk pakej umrah, satu set kitab terjemahan Fizilalil Quran yang berharga RM3,000 dan wang tunai RM1,000, kedua (satu set kitab Fizilalil Quran dan wang tunai RM1,000) dan ketiga (wang tunai RM1,000).

(END)